

## PENGAGIHAN ZAKAT OLEH INSTITUSI ZAKAT DI MALAYSIA: MENGAPA MASYARAKAT ISLAM TIDAK BERPUAS HATI?

Hairunnizam Wahid\*

Sanep Ahmad\*\*

Radiyah Abdul Kader\*\*\*

### ABSTRACT

*Zakat institution; as an intermediary entity between zakat payers and zakat receivers plays an important role in collecting and distributing zakat efficiently. However, zakat payers are dissatisfied with the performance of the zakat institution. This study examines the dissatisfaction effect of zakat payers' towards their zakat payments and investigates the reasons for this situation. This study utilises and analyses primary data of dissatisfied zakat payers and potential zakat payers in Peninsular Malaysia by using descriptive analysis and logistic regression. The results show that more than half of the dissatisfied payers do not pay zakat which would have led to a decrease in potential zakat collection. Nevertheless, there is no significant difference between the dissatisfaction level of zakat Institutions at the State level; that may or may not be a private organisation. The result further shows that the main reasons for zakat payer's dissatisfaction are ineffective distribution methods and insufficient dissemination of information on zakat distribution. This study therefore proposes several measures to*

---

\* Senior Lecturer, School of Economics, Faculty of Economics and Business, National University of Malaysia, hairun@ukm.my.

\*\* Associate Professor, School of Economics, Faculty of Economics and Business, National University of Malaysia, nep@ukm.my.

\*\*\* Associate Professor, Faculty of Economics and Administration, University of Malaya, radiah@um.edu.my.

*overcome the weaknesses identified; hence to increase the satisfaction of zakat payers and to encourage Muslims to pay zakat through authorized zakat institutions.*

**Keywords:** *zakat, zakat distribution, dissatisfaction, logistic regression*

## PENGENALAN

Zakat adalah salah satu daripada rukun Islam yang memainkan peranan penting dalam kehidupan umat Islam sepanjang sejarah kewujudannya. Ia merupakan satu mekanisme ibadat kewangan dan perekonomian yang antara matlamatnya membersihkan jiwa manusia serta hartanya (pembayar zakat) dan membantu golongan yang kurang berkemampuan (asnaf) kerana kemungkinan terdapat hak orang lain dalam proses memperoleh harta tersebut. Secara teorinya, zakat dibayar oleh golongan yang kaya dan akan diagihkan kepada golongan miskin dan proses pengagihan zakat diharapkan mencapai tahap optimum kepada asnaf zakat. Justeru proses yang optimum ini akan memberikan impak yang berkesan dan besar bukan sahaja kepada asnaf zakat khususnya malah kepada ekonomi sesebuah negara secara amnya. Ini adalah kerana kesan daripada pengagihan zakat ini, asnaf bukan sahaja mungkin berjaya keluar daripada golongan yang menerima zakat malah mungkin akan menjadi penyumbang zakat.

Akhirnya asnaf menjadi sebahagian daripada guna tenaga yang produktif dan menyumbang kepada ekonomi negara.<sup>1</sup> Dalil penentuan asnaf zakat telah dinyatakan secara jelas dalam al-Quran yang menjelaskan kelompok-kelompok yang berhak menerima zakat iaitu melalui firmanNya yang bermaksud:

*“Sesungguhnya zakat-zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir; orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para mu’allaf yang dibujuk hatinya, untuk (memerdekaan budak), orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai sesuatu ketetapan yang diwajibkan Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana”.*

(Surah al-Tawbah, 9 : 60)

---

<sup>1</sup> Nik Mustapha Nik Hassan (2001), “Semangat Pengagihan Zakat ke Arah Pembangunan Ekonomi”, dalam Nik Mustapha Nik Hassan (penyt), *Kaedah Pengagihan Dana Zakat Satu Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.

Tafsiran ayat tersebut jelas menunjukkan terdapat lapan golongan manusia yang berhak menerima zakat. Lapan golongan tersebut ialah *al-fuqarā'* (orang fakir), *al-masākīn* (orang yang miskin), amil, muallaf yang perlu dijinakkan hatinya, *al-riqab* (hamba), *al-ghārimīn* (orang yang memiliki hutang), *fisabīlillah* (orang yang berjuang di jalan Allah) dan akhirnya *ibn sabīl* (musafir yang sedang dalam perjalanan). Mahmood Zuhdi (2003) berpendapat ayat tersebut memberi penerangan yang jelas tentang pengagihan zakat berbanding dengan masalah menentukan sumber zakat berdasarkan ayat tersebut yang memperincikan arahan. Ini disebabkan kemungkinan berlaku penyelewengan dan penggunaan hawa nafsu dalam mengagihkan zakat lebih besar berbanding menentukan sumber dan memungut zakat. Pendapat ini jelas menunjukkan pengagihan zakat merupakan satu tanggungjawab dan amanah yang besar dipikul oleh institusi zakat<sup>2</sup>.

Penubuhan institusi zakat sebagai satu badan yang menguruskan zakat bukanlah sesuatu kemestian menurut kebanyakan aliran pemikiran perundangan Islam<sup>3</sup>. Contohnya kumpulan pemikiran mazhab Hanafi berpendapat pembayar zakat sendiri dibenarkan mengagihkan zakat harta yang tidak nyata (seperti emas dan perak) secara langsung kepada penerima tanpa melalui pihak kerajaan sebagai perantaraan. Ini kerana kumpulan ini berpegang dengan amalan pada zaman pemerintahan khalifah Uthman Affan r.a yang membenarkan tindakan pembayar zakat tersebut kerana kemungkinan ditakuti kutipan zakat tersebut jatuh ke tangan amil yang korup dan menyeleweng zakat tersebut. Walau bagaimanapun zakat boleh dibayar kepada kerajaan dalam bentuk harta yang nyata (seperti binatang ternakan) kerana harta tersebut lebih sukar untuk diselewengkan. Pendapat ini juga disokong oleh kumpulan pemikiran mazhab Syafie yang secara jelas menyatakan pembayar zakat dibolehkan menunaikan zakat semua jenis harta (harta nyata atau tidak nyata) tanpa melalui pihak kerajaan. Namun begitu, pemikiran kumpulan mazhab Maliki adalah sebaliknya iaitu berpendapat pembayaran zakat kesemua jenis harta perlu ditunaikan kepada pihak kerajaan tetapi dengan syarat kerajaan tersebut adalah kerajaan yang adil, mampu menjalankan tanggungjawab tersebut secara beramanah dan pengurusan yang efisien. Pendapat ini sebenarnya adalah selaras dengan amalan ketika zaman Rasulullah s.a.w, khalifah Abu Bakar as-Siddiq r.a dan khalifah Umar al-

<sup>2</sup> Mahmood Zuhdi Abdul Majid (2003), *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>3</sup> Zayas, F.G. (2003), *The Law and Institution of Zakat*. A. Z. Abbasi (terj.). Kuala Lumpur: The Other Press, h. 279.

Khattab r.a yang menunjukkan institusi zakat adalah penting sebagai perantara dan agen dalam mengutip dan mengagihkan zakat. Pendapat kumpulan pemikiran mazhab Maliki adalah berdasarkan ayat al-Quran dalam Surah 9 ayat 103 dan bersandarkan satu hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas<sup>4</sup>.

Qaradawi (2000) juga bersetuju kerajaan berperanan mengutip dan mengagihkan zakat sama ada harta yang nyata atau tidak nyata kerana beberapa alasan. Pertamanya wujud individu yang tidak mengendahkan pembayaran zakat. Jika tiada campur tangan oleh kerajaan, maka kemungkinan hak zakat kepada asnaf fakir dan miskin tidak dapat dipenuhi. Keduanya pengagihan zakat oleh kerajaan akan menjaga dan memelihara maruah golongan fakir dan miskin berbanding menerima secara terus daripada golongan kaya. Ketiganya jika individu mengagihkan zakat tersebut, ia akan dipengaruhi oleh sikap tertentu yang akan membela kangi konsep pengagihan. Keempat, asnaf-asnaf tertentu seperti *muallaf, fit sabillah* dan sebagainya yang berkaitan dengan kepentingan awam hanya diketahui oleh pihak kerajaan. Kelima, perlu diketahui zakat merupakan sumber kewangan negara Islam. Oleh itu ia perlu dilaksanakan kepada kerajaan sesebuah negara. Walau bagaimanapun, beliau juga berpendapat hak mengutip dan mengagihkan zakat perlu dilakukan oleh kerajaan dengan syarat kerajaan tersebut tidak menolak Islam sebagai satu asas ideologi, melaksanakan perundungan Islam dan struktur sosial adalah berdasarkan Islam<sup>5</sup>.

Ringkasnya, peranan institusi zakat terbahagi kepada dua iaitu mengutip zakat dan mengagihkan zakat dan peranan ini akan dilakukan di peringkat kerajaan melalui pegawai zakat yang diberi kuasa dan perlu memenuhi ciri-ciri yang telah dinyatakan di atas. Perlu dijelaskan bahawa peranan menguruskan zakat adalah perlu dan tidak wajib diserahkan kepada pihak kerajaan sebagai perantara. Ini bertujuan untuk membezakan peranan kerajaan dalam kutipan cukai kerana peranan mengutip cukai oleh kerajaan adalah suatu keperluan dan kemestian. Ini kerana kutipan cukai akan dibayar terus kepada kerajaan dan kerajaan wajib melaksanakan tanggungjawabnya daripada hasil kutipan cukai kepada rakyat secara keseluruhan. Berbeza dengan zakat kerana kerajaan hanya sebagai perantara mengutip dan mengagihkan zakat kepada asnaf tertentu (Al-Quran Surah 9 ayat 60) dan bukannya kepada rakyat secara keseluruhan. Malah perlu difahami kutipan zakat tiada kaitannya dengan hasil kerajaan<sup>6</sup>.

<sup>4</sup> *Ibid*, hh. 280-281.

<sup>5</sup> Qaradawi, Yusuf al-(2000), *Fiqh al-Zakāh*, Vol II, english translation by Monzer Kahf, Jeddah : Scientific Publishing Centre, King Abdulaziz University, h. 124.

<sup>6</sup> Zayas, F.G (2003), *op. cit.*, h. 282.

Pengurusan zakat di Malaysia telah bermula sejak era pre-kolonial lagi. Pada ketika itu pengurusan zakat belum ditadbir secara formal dan pembayar zakat akan membayar zakat kepada ustaz atau guru agama (bertindak sebagai amil) dan mereka akan mengagihkannya kepada asnaf yang layak. Ini menunjukkan pembayar zakat sangat yakin dengan ustaz-ustaz dan guru agama sebagai amil mereka pada ketika itu<sup>7</sup>. Ciri-ciri peribadi yang ada pada ustaz dan guru pada ketika itu menjadi asas mengapa pembayar zakat sangat yakin dan seolah-olah berpuas hati dengan tugas mereka sebagai amil. Ketika zaman kolonial, pengurusan zakat diletakkan di bawah kuasa Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu. Di setiap kampung, kutipan zakat dilakukan oleh imam kampung dan akan diserahkan kutipan tersebut kepada kerajaan sebagai sumber kewangan pentadbiran Islam. Pembayaran zakat melalui imam masjid juga menunjukkan keyakinan terhadap peribadi imam yang dapat menguruskan zakat dengan baik. Pada ketika ini kuasa pengurusan zakat diletakkan di bawah setiap negeri dan kuasa di bawah ketua agama Islam negeri masing-masing. Terdapat beberapa negeri telah menswastakan institusi zakat seperti negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pahang, Pulau Pinang, Melaka dan Negeri Sembilan<sup>8</sup>. Penswastaan ini dilakukan untuk memastikan pihak pengurusan zakat dapat memberikan perkhidmatan berkualiti bagi memaksimumkan kepuasan pelanggan melalui pendekatan profesional, penggunaan teknologi terkini serta berlandaskan nilai-nilai Islam<sup>9</sup>. Ini akhirnya akan memastikan pengurusan zakat adalah efisien mengikut nilai-nilai Islam. Peranan ini perlu konsisten dengan ciri-ciri yang perlu ada pada institusi iaitu adil, tidak menyeleweng dan efisien dalam pengurusannya.

Perkembangan semasa institusi zakat di Malaysia adalah memberangsangkan terutamanya dalam aspek kutipan zakat. Jumlah kutipan zakat di Malaysia telah meningkat dengan drastik di Malaysia. Jumlah kutipan zakat di setiap negeri semakin meningkat dari setahun ke setahun. Jumlah kutipan zakat keseluruhan tahun 2006 telah meningkat sebanyak 17 peratus kepada RM670.6 juta berbanding RM573 juta pada

<sup>7</sup> Abdul-Wahab, Mohamed et al., (1995), “Malaysia (A Case study of Zakah Management)”, in el-Ashker and Sirajul Haq (eds.), *Institutional Framework of Zakah: Dimensions and Implications*, Jeddah: IRTI/ IDB, h. 298.

<sup>8</sup> Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid dan Adnan Mohamad (2006), “Penswastaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia”, *International Journal of Management Studies* 13 (2), h. 179.

<sup>9</sup> Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (2006), *Laporan Zakat*. Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan, h. 24.

tahun sebelumnya<sup>10</sup>. Peningkatan yang memberangsangkan ini kemungkinan disebabkan oleh banyak faktor antaranya kaedah pembayaran yang mudah, pengurusan zakat yang semakin cekap, penswastaan institusi zakat dan sebagainya. Penswastaan institusi zakat telah menimbulkan minat ramai pengkaji untuk melihat kesannya terhadap jumlah kutipan zakat.<sup>11</sup> Kesemua kajian ini secara umumnya mendapati penswastaan institusi zakat sedikit sebanyak dapat meningkatkan lagi kecekapan pengurusan dan jumlah kutipan zakat.

Walaupun kutipan zakat semakin baik namun isu pengagihan zakat masih lagi menimbulkan banyak perdebatan dan permasalahan. Masalah kaedah pengagihan, agihan zakat kepada asnaf yang layak atau tidak, masalah kemiskinan yang masih berlaku walaupun agihan zakat telah dilaksanakan telah mencacatkan prestasi dan pencapaian institusi zakat itu sendiri<sup>12</sup>. Perkara ini sering kali dikaitkan dengan ketidakpuasan hati pembayar zakat yang akhirnya akan menjaskan kadar peningkatan kutipan zakat setiap tahun. Malah terdapat pengkaji-pengkaji sudah mula menyarankan institusi zakat perlu dinilai secara terbuka oleh orang ramai. Ini kerana jika orang ramai merasa tidak berpuas hati dengan pengurusan zakat oleh institusi zakat, ini boleh menyebabkan orang ramai akan membayar zakat secara terus kepada asnaf<sup>13</sup> malah lebih buruk lagi jika orang ramai tidak mahu membayar zakat harta tetapi hanya membayar zakat fitrah sahaja.

---

<sup>10</sup> *Ibid*, h. 72.

<sup>11</sup> Lihat kajian oleh Md Zyadi Tahir & Mariani Majid (1999), “Prestasi Kutipan Dan Agihan Zakat di Malaysia”, *Pascasidang Seminar Pengeluaran Awam dan Swasta: Justifikasi dan Realiti di Malaysia*. Bangi : Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia, hh. 293-306 dan Nor Ghani Md Nor, Mariani Majid, Jaafar Ahmad dan Nahid Ismail (2001), “Can Privatization Improve Performance? Evidence from Zakat Collection Institutions” ( Kertas Kerja Bengkel Ekonomi Islam. Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia).

<sup>12</sup> Lihat kajian oleh Abdullah Ibrahim (1999), “Agihan Zakat Menurut Prinsip Siasah Shariyyah” (Kertas Kerja dibentangkan dalam Kolokium Keberkesanan Zakat Negeri Selangor di Shah Alam pada 17 Mei 1999) dan Mohamed Dahan Abdul Latif (1998), “Zakat Management and Administration in Malaysia” (Kertas Kerja dibentangkan di Seminar of Zakat and Taxation di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia).

<sup>13</sup> Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid dan Adnan Mohamad (2006), *op.cit.*, h.193.

Kesan pembayaran zakat terus kepada asnaf zakat dan bukan secara langsung kepada institusi zakat akan menimbulkan banyak masalah. Masalah seperti kebocoran kutipan zakat dan pengagihan yang tidak sekata antara asnaf akan berlaku jika pembayar terus membayar zakat kepada asnaf terutamanya fakir dan miskin<sup>14</sup>. Oleh itu pembayar zakat merupakan satu agen penting dalam kejayaan pelaksanaan sistem zakat itu sendiri. Pembayar zakat perlu diyakinkan oleh pihak institusi zakat agar mereka membayar zakat melalui institusi dan bukan secara langsung kepada asnaf. Keyakinan yang dimaksudkan adalah sejauh manakah institusi zakat telah mengagihkan zakat secara berkesan, efisien dan diyakini oleh pembayar zakat. Inilah persoalan yang perlu ditangani oleh pihak institusi zakat. Pihak institusi zakat perlu fahami hasrat pembayar zakat agar perasaan tidak puas hati terhadap pengurusan zakat dapat diminimumkan.

Berdasarkan perbincangan ini beberapa objektif ingin dicapai menerusi kajian ini. Pertamanya mengenal pasti mengapakah pembayar zakat tidak berpuas hati terhadap agihan zakat oleh institusi zakat. Keduanya adakah terdapat perbezaan ketara sikap tidak puas hati antara pembayar zakat di negeri yang telah dan yang belum menswastakan institusi kutipan zakat. Ketiganya apakah cadangan-cadangan daripada pembayar zakat untuk meningkatkan lagi keberkesanan pengagihan zakat. Implikasi daripada kajian ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran pihak institusi zakat dalam menguruskan zakat terutamanya dalam aspek pengagihan zakat.

## KAJIAN LEPAS

Terdapat banyak kajian lepas yang membincangkan aspek kutipan zakat dan bagaimana pihak institusi zakat boleh meningkatkan jumlah kutipan zakat. Antaranya beberapa kajian yang berkaitan dengan penswastaan institusi zakat. Kajian Md Zyadi dan Mariani (1999) contohnya menunjukkan bahawa penswastaan kutipan zakat telah menunjukkan penambahan dalam jumlah hasil kutipan.<sup>15</sup> Keadaan ini dialami oleh seluruh negeri yang melakukan penswastaan kutipan zakat. Namun demikian, kajian tersebut juga merumuskan bahawa kemungkinan penambahan hasil kutipan tersebut bukanlah semata-mata kesan daripada penswastaan tetapi kerana faktor-faktor lain. Kajian ini telah disokong oleh kajian Nor Ghani Md Nor, Mariani Majid, Jaafar Ahmad dan Nahid Ismail (2001) yang telah membuktikan bahawa walaupun

---

<sup>14</sup> *Ibid.*

<sup>15</sup> Lihat Md Zyadi Tahir dan Mariani Majid (1999), *op.cit.*

penswastaan institusi zakat telah berjaya menambah hasil kutipan zakat tetapi kajian mendapati peningkatan tersebut adalah tidak signifikan.<sup>16</sup> Peningkatan kutipan zakat itu bukan semata-mata berpunca daripada penswastaan institusi zakat tetapi juga berpunca dari faktor lain seperti peningkatan jumlah pembayar zakat dan peningkatan jumlah pendapatan individu.

Keberkesanan kutipan zakat dan pengagihan zakat amat bergantung pada pengurusan oleh institusi zakat. Namun begitu, aspek pengagihan zakat merupakan satu aspek yang sangat penting kerana ia menunjukkan bagaimana dana zakat dapat memberi impak kepada masyarakat dan negara dalam aspek pembasmiaran kemiskinan dan pembangunan ekonomi<sup>17</sup>. Implikasinya pengurusan dana zakat yang cekap adalah dituntut agar pelaksanaannya dapat mencapai objektif yang ditentukan. Namun begitu, aspek pentadbiran zakat di Malaysia dikatakan tidak cekap dan di bawah potensi yang sebenar<sup>18</sup>. Menurut Sadeq (1995), kelemahan ini disebabkan pentadbiran zakat diuruskan oleh mereka yang berlatarbelakangkan pendidikan syariah tetapi kurang profesional.<sup>19</sup> Ini menyebabkan pengagihan zakat tidak diuruskan dengan efisien dan baik. Pendapat ini disokong oleh Abdul-Wahab et.al. (1995) yang bersetuju pengagihan zakat di Malaysia tidak diuruskan dengan baik kerana kekurangan pekerja yang berkelayakan dan tiada jaringan profesional.<sup>20</sup> Malah menurut beliau pengurus zakat itu sendiri tidak cekap dalam pengurusan zakat kerana hanya mempunyai latar belakang pendidikan agama dari universiti tempatan dan luar negara dan bukan mempunyai latar belakang pendidikan yang profesional. Imtiazi (2000) juga berpendapat pengurusan zakat perlu diuruskan oleh mereka yang dipercayai, berkelayakan dan mempunyai skil

<sup>16</sup> Lihat Nor Ghani Md Nor, Mariani Majid, Jaafar Ahmad dan Nahid Ismail (2001). *op. cit.*

<sup>17</sup> Lihat kajian oleh Mannan M.A. (2003), “Public Sector Management of Zakat”, dalam Hannan S.A (eds.). *Zakat and Poverty Alleviation*. Dhaka: Islamic Economics Research Bureau, serta kajian oleh Wess, H. (2002), “Reorganizing Social Welfare among Muslims: Islamic Voluntarism and Other Forms of Communal Support in Northern Ghana”, *Journal of Religion in Africa*. 32(1) dan juga kajian oleh Hassan M.K dan Khan J.M. (2007), “Zakat, External Debt and Poverty Reduction Strategy in Bangladesh”, *Journal Of Economic Cooperation*. 28 (4)1-38.

<sup>18</sup> Lihat kajian oleh Sadeq, AHM. (1995), “Ethioco-eco-Institution of Zakah: An Instrument of Self-Reliance and Sustainable Grass-Root Development” (Mimeograph) serta kajian oleh Abdul-Wahab, Mohamed et al., (1995), *op.cit.*

<sup>19</sup> Sadeq, AHM. (1995), *op. cit.*

<sup>20</sup> Abdul-Wahab, Mohamed et al., (1995), *op.cit.*

untuk mengurus dana zakat.<sup>21</sup> Beliau mengandaikan seseorang pengurus institusi zakat juga perlu mengurus dana zakat secara efisien. Pengurus zakat bukan sahaja mengagihkan zakat semata-mata tetapi menurut beliau perlu bertindak lebih jauh lagi iaitu sekiranya ada lebihan wang zakat, ia akan dilaburkan secara mudharabah dalam projek-projek tertentu yang akhirnya keuntungan tersebut diagihkan secara berterusan kepada asnaf. Kajian-kajian yang telah dibincangkan jelas menunjukkan pengurusan zakat oleh institusi terutamanya dalam aspek pengagihan zakat adalah kurang cekap. Persoalannya adakah pengurusan zakat oleh institusi zakat telah dinilai terutamanya oleh pembayar zakat dan asnaf-asnaf zakat? Adakah terdapat kajian-kajian empirik yang membuktikan memang wujud ketidakcekapan tersebut?

Terdapat kajian yang mencadangkan penilaian masyarakat terhadap institusi zakat. Mohamed Dahan (1998) contohnya menyarankan kaedah agihan zakat perlu dinilai oleh individu secara terbuka.<sup>22</sup> Ini adalah kerana terdapat beberapa kes negatif yang pernah berlaku seperti salah guna kuasa dan pecah amanah wang zakat, pengurusan yang tidak cekap serta kaedah agihan yang dianggap tidak memuaskan di peringkat negeri. Akibatnya tanggapan masyarakat terhadap institusi zakat akan menjadi negatif walaupun prestasi laporan tahunan institusi zakat menunjukkan prestasi kutipan dan agihan yang memberangsangkan. Fenomena sedemikian mungkin menjelaskan mengapa individu enggan membayar zakat secara formal melalui institusi kutipan zakat dan berminat membayar secara tidak formal (Sanep et. al., 2006). Ini sedikit sebanyak mengukuhkan lagi bahawa masih wujud ketidakcekapan pengurusan zakat.

Kajian oleh Sanep et.al (2006) telah membuktikan sebanyak 10.5 peratus pembayar zakat berminat membayar zakat secara terus kepada asnaf walaupun institusi zakat telah diswastakan.<sup>23</sup> Malah kajian ini juga menunjukkan 57.1 peratus pembayar zakat tidak berpuas hati dengan agihan zakat oleh institusi zakat. Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Pulau Pinang merupakan negeri yang ramai pembayar zakat tidak berpuas hati iaitu melebihi 60 peratus. Malah lebih kritikal lagi kajian ini juga mendapati pembolehubah ketidakpuasan hati agihan zakat oleh institusi zakat mempengaruhi secara signifikan pembayaran zakat kepada institusi zakat formal. Ini menunjukkan institusi zakat masih lagi belum mencapai tahap kecekapan pengurusan

<sup>21</sup> Imtiazi I.A. (2000), “Introduction”, dalam I.A. Imtiazi et al. (eds.), *Management of Zakah in Modern Muslim Society*, Jeddah: IRTI/IDB, hh. 11-28.

<sup>22</sup> Mohamed Dahan Abdul Latif (1998), *op. cit.*

<sup>23</sup> Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Adnan Mohamad (2006), *op.cit.*

zakat yang diharap-harapkan oleh pembayar zakat dan yang kritikalnya ia merupakan pembolehubah yang signifikan mempengaruhi pembayaran kepada institusi zakat. Ini akhirnya akan menjelaskan kutipan zakat kerana pembayar zakat mungkin berminat membayar secara terus kepada asnaf-asnaf zakat terutamanya asnaf fakir dan miskin.

Persoalannya apakah sebab-sebab utama pembayar zakat tidak berpuas hati terhadap agihan zakat. Apakah cadangan-cadangan daripada pihak pembayar zakat terhadap institusi zakat untuk memastikan institusi ini mengagihkan zakat dengan berkesan? Maka kajian ini akan mengupas dengan lebih lanjut persepsi pembayar zakat terhadap keberkesanan agihan zakat oleh institusi zakat.

## METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, berbagai metodologi diaplikasikan dalam usaha untuk menghasilkan keputusan yang tepat serta mengikut kerangka teori yang terlibat. Analisis kajian ini adalah kepada individu Islam merangkumi beberapa negeri di Malaysia. Persampelan dilakukan secara rawak ke atas 2500 individu mengikut negeri di Semenanjung Malaysia dan hanya sebanyak 700 responden akan dikaji disebabkan mereka tidak berpuas hati pengagihan zakat oleh institusi zakat negeri masing-masing dan memberikan alasan ketidakpuasan tersebut. Negeri-negeri yang telah dikaji adalah seperti di Jadual 1. Negeri-negeri tersebut dibahagikan kepada dua bahagian iaitu negeri yang telah menswastakan institusi zakat dan negeri yang tidak menswastakan institusi zakat. Kajian ini juga akan menggunakan model daripada kajian Sanep et. al. (2006).<sup>24</sup> Ia bertujuan untuk menguji kebarangkalian beberapa pembolehubah yang dijangkakan mempengaruhi pembayaran zakat. Model yang akan diuji adalah seperti berikut:

$$L = \ln(P_i / (1-P_i)) = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2$$

Di mana;

$L$  adalah log bagi nisbah ‘odds’ membayar zakat atau tidak membayar zakat

$X_1$  adalah dami pembolehubah membayar kepada institusi formal atau tidak; = 1 jika membayar kepada institusi formal.

$X_2$  adalah pembolehubah alasan tidak puas hati pengagihan zakat dan akan dikategorikan kepada beberapa alasan.

---

<sup>24</sup> Ibid. hh. 182-184.

Senarai alasan yang telah dikategorikan dan diuji adalah seperti berikut:

- Alasan 1 : bayaran zakat adalah tak mencukupi
- Alasan 2 : kaedah agihan zakat oleh institusi zakat adalah tidak jelas
- Alasan 3 : agihan zakat tidak menyeluruh kepada kesemua asnaf
- Alasan 4 : maklumat agihan tidak menyeluruh
- Alasan 5 : lain-lain alasan.

Kajian ini menjangkakan penswastaan institusi zakat tidak memberi kesan yang signifikan kepada pembayaran zakat oleh mereka yang tidak berpuas hati terhadap pengagihan zakat. Kajian ini juga menjangkakan kemungkinan wujud beberapa alasan tidak berpuas hati yang akan memberi kesan kepada pembayaran zakat.

Jadual 1: Senarai Negeri yang Telah Dikaji

Negeri	Kekerapan	Peratusan
Selangor <sup>1</sup> & Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur <sup>1</sup>	190	27.1
Pulau Pinang <sup>1</sup>	50	7.1
Melaka <sup>1</sup>	33	4.7
Negeri Sembilan <sup>1</sup>	17	2.4
Pahang <sup>1</sup>	33	4.7
<b>Jumlah<sup>2</sup></b>	<b>323</b>	<b>46</b>
Kedah	40	5.7
Perlis	46	6.6
Perak	86	12.3
Johor	36	5.1
Terengganu	66	9.4
Kelantan	103	14.7
<b>Jumlah<sup>3</sup></b>	<b>377</b>	<b>54</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>700</b>	<b>100.0</b>

Nota:

<sup>1</sup> Negeri-negeri yang telah menswastakan institusi zakat. Kecuali Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang hanya menswastakan aspek kutipan zakat sahaja

<sup>2</sup> Jumlah keseluruhan responden dari negeri yang telah menswastakan institusi zakat

<sup>3</sup> Jumlah keseluruhan responden dari negeri yang belum menswastakan institusi zakat

## HASIL KAJIAN

Kajian ini membahagikan negeri-negeri yang dikaji kepada dua bahagian. Pertamanya ialah negeri yang telah menswastakan institusi zakat dan keduanya negeri yang tidak menswastakan institusi zakat. Negeri yang telah menswastakan institusi zakat termasuklah negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang. Terdapat sebuah negeri lagi yang baru menswastakan institusi zakat iaitu negeri Sarawak yang tidak termasuk dalam kajian ini. Negeri-negeri lain masih lagi belum menswastakan institusi zakat dan pentadbirannya adalah di bawah institusi baitulmal.

Kajian ini juga mendapati sebanyak 46 peratus responden atau seramai 323 orang pembayar zakat adalah dari negeri yang telah menswastakan institusi zakat berbanding sebanyak 54 peratus atau seramai 377 responden yang bukan dari negeri yang belum menswastakan institusi zakat. Ini menunjukkan bilangan responden yang tidak berpuas hati di negeri yang telah menswastakan institusi zakat hampir sama dengan negeri yang tidak menswastakannya. Ini seolah-olah menunjukkan walaupun institusi zakat telah diswastakan, pembayar zakat masih lagi tidak berpuas hati dan penswastaan gagal meningkatkan tahap kepercayaan pembayar zakat terhadap institusi zakat.

Perlu dijelaskan di sini bahawa kajian ini memberi tumpuan kepada aspek tidak berpuas hati pembayar zakat dalam aspek pengagihan zakat. Berdasarkan Jadual 2, kajian ini mendapati hanya 52.4 peratus responden membayar zakat walaupun tidak berpuas hati dengan pengagihan zakat dan sebaliknya sebanyak 47.6 peratus responden tidak berpuas hati dan tidak membayar zakat. Ini menunjukkan hampir majoriti responden tidak membayar zakat yang berkemungkinan kerana tidak berpuas hati pengagihan zakat oleh institusi zakat.

Jadual 2: Bilangan Responden yang Membayar Zakat

Bayar Zakat	Kekerapan	Peratusan
Ya	366	52.4
Tidak	332	47.6
<b>Jumlah</b>	<b>698</b>	<b>100.0</b>

Berdasarkan Jadual 3, kajian mendapati majoriti responden beralasan kaedah pengagihan zakat adalah tidak jelas iaitu sebanyak 36.7 peratus diikuti masalah maklumat pengagihan yang tidak menyeluruh (32%), pengagihan tidak menyeluruh mengikut asnaf (19.7%), jumlah pengagihan wang yang tidak mencukupi (6.4%) dan akhirnya masalah-masalah lain (5%). Ini menunjukkan masalah kaedah dan maklumat pengagihan zakat perlu diatasi dengan segera untuk memastikan pembayar zakat akan merasa berpuas hati dan akan membayar zakat. Ini secara tidak langsung akan mengurangkan jumlah mereka yang tidak membayar zakat (rujuk Jadual 2).

Jadual 3: Alasan Responden Mengikut Negeri

Negeri	Alasan												<b>Jumlah</b>	
	Bayaran Agihan Tidak Mencukupi		Kaedah Agihan Tidak Jelas		Agihan Tidak Menyeluruh Mengikut Asnaf		Maklumat Agihan Tidak Menyeluruh		Lain-Lain Alasan					
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%		
Institusi zakat yang diswastakan														
Selangor & Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	21	46.8	73	28.3	31	22.4	56	25	9	25.7	190	27.1		
Pulau Pinang	4	8.9	16	6.2	11	8.0	16	7.1	3	8.6	50	7.1		
Melaka	0	0	16	6.2	4	2.9	10	4.5	3	8.6	33	4.7		
Negeri Sembilan	0	0	5	1.9	4	2.9	8	3.6	0	0.0	17	2.4		
Pahang	1	2.2	13	5.0	3	2.2	12	5.4	4	11.4	33	4.7		
<b>Jumlah</b>	<b>26</b>	<b>57.9</b>	<b>123</b>	<b>47.6</b>	<b>53</b>	<b>38.4</b>	<b>102</b>	<b>45.5</b>	<b>19</b>	<b>54.3</b>	<b>323</b>	<b>46</b>		
Institusi zakat yang tidak diswastakan														
Kedah	1	2.2	18	7.0	4	2.9	15	6.7	2	5.7	40	5.7		
Perlis	4	8.9	22	8.5	7	5.1	13	5.8	0	0.0	46	6.6		
Perak	2	4.4	34	13.2	19	13.8	26	11.6	5	14.3	86	12.3		
Johor	2	4.4	11	4.3	9	6.5	13	5.8	1	2.9	36	5.1		
Terengganu	7	15.5	18	7.0	15	10.9	21	9.4	5	14.3	66	9.4		
Kelantan	3	6.7	32	12.4	31	22.4	34	15.2	3	8.6	103	14.7		
<b>Jumlah</b>	<b>19</b>	<b>42.1</b>	<b>135</b>	<b>52.4</b>	<b>85</b>	<b>61.6</b>	<b>122</b>	<b>54.5</b>	<b>16</b>	<b>45.7</b>	<b>377</b>	<b>54</b>		
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>45</b>	<b>100</b>	<b>258 (36.7)</b>	<b>100</b>	<b>138 (19.7)</b>	<b>100</b>	<b>224 (32.0)</b>	<b>100</b>	<b>35 (5.0)</b>	<b>100</b>	<b>700</b>	<b>100</b>		

Berdasarkan Jadual 4 pula, responden berpendapat segala bentuk pengagihan zakat memberi manfaat kepada asnaf fakir dan miskin. Sebanyak 50 peratus responden bersetuju berbanding 14 peratus yang tidak bersetuju dan 36 peratus yang tidak pasti. Perlu diperhatikan di sini bilangan responden yang tidak pasti adalah ramai dan ia menunjukkan seolah-olah pengagihan zakat tidak pasti dirasai manfaatnya oleh asnaf fakir dan miskin. Apa yang menariknya hanya 43.7 peratus responden dari negeri yang menswastakan institusi zakat bersetuju bahawa pelbagai bentuk pengagihan zakat memberi manfaat berbanding negeri yang tidak menswastakannya. Ini juga memberi petunjuk umum tiada kesan terhadap persepsi pembayar ke atas peranan zakat yang dibayar melalui institusi zakat kepada asnaf fakir dan miskin walaupun institusi zakat telah diswastakan.

**Jadual 4: Persepsi Responden Terhadap Manfaat Zakat Kepada Golongan Fakir dan Miskin**

Negeri	Golongan Fakir Miskin Dapat Manfaat						<b>Jumlah</b>
	Ya		Tidak		Tidak Pasti		
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	
Institusi zakat yang diswastakan							
Selangor & Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	82	23.6	28	28.6	80	31.9	190
Pulau Pinang	26	7.5	7	7.1	17	6.8	50
Melaka	16	4.6	4	4.1	13	5.2	33
Negeri Sembilan	8	2.3	4	4.1	3	1.2	15
Pahang	20	5.7	4	4.1	9	3.6	33
<b>Jumlah</b>	<b>152</b>	<b>43.7</b>	<b>47</b>	<b>48.0</b>	<b>122</b>	<b>48.6</b>	<b>321</b>
Institusi zakat yang tidak diswastakan							
Kedah	19	5.5	5	5.1	16	6.4	40
Perlis	21	6.0	7	7.1	18	7.2	46
Perak	51	14.7	14	14.3	21	8.4	86
Johor	13	3.7	8	8.2	15	6.0	36
Terengganu	38	10.9	4	4.1	24	9.6	66
Kelantan	54	15.5	13	13.3	35	13.9	102
<b>Jumlah</b>	<b>196</b>	<b>56.3</b>	<b>51</b>	<b>52.0</b>	<b>129</b>	<b>51.4</b>	<b>376</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>348</b> (50%)	<b>100.0</b>	<b>98</b> (14%)	<b>100.0</b>	<b>251</b> (36%)	<b>100.0</b>	<b>697</b>

Kajian ini memfokuskan terhadap asnaf fakir dan juga miskin kerana ia adalah asnaf yang utama yang perlu diberi perhatian oleh institusi zakat. Kajian juga membahagikan asnaf fakir kepada dua bahagian iaitu pertamanya fakir yang kurang upaya iaitu mereka yang sudah berusia dan juga yang cacat dan keduanya fakir yang berupaya iaitu masih muda dan tidak cacat.

Persoalannya, apakah kaedah pengagihan zakat yang dianggap berkesan oleh pembayar zakat? Berdasarkan Jadual 5 didapati 81.3 peratus responden mencadangkan kaedah pengagihan dilakukan secara bulanan. Ini diikuti 13.5 peratus mencadangkan pengagihan mengikut tahunan dan hanya 4.4 peratus memilih pengagihan mengikut harian.

Jadual 5: Cadangan Kaedah Pengagihan Untuk Fakir

Negeri	Kaedah Agihan Untuk Fakir Yang Kurang Upaya							<b>Jumlah</b>
	Mengikut Perbelanjaan Tahunan		Mengikut Perbelanjaan Bulanan		Mengikut Perbelanjaan Harian		Lain-lain	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	
Institusi zakat yang diswastakan								
Selangor & Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	19	20.9	156	28.4	5	16.7	3	183
Pulau Pinang	7	7.7	38	6.9	5	16.7	0	50
Melaka	5	5.5	26	4.7	2	6.7	0	33
Negeri Sembilan	1	1.1	16	2.9	0	0.0	0	17
Pahang	8	8.8	23	4.2	2	6.7	0	33
<b>Jumlah</b>	<b>40</b>	<b>44</b>	<b>259</b>	<b>47.4</b>	<b>14</b>	<b>46.8</b>	<b>3</b>	<b>316</b>
Institusi zakat yang tidak diswastakan								
Kedah	5	5.5	31	5.6	3	10.0	0	39
Perlis	9	9.9	32	5.8	3	10.0	0	44
Perak	9	9.9	71	12.9	4	13.3	0	84
Johor	2	2.2	31	5.6	1	3.3	1	35
Terengganu	12	13.2	49	8.9	2	6.7	0	63
Kelantan	14	15.4	76	13.8	3	10.0	1	94
<b>Jumlah</b>	<b>51</b>	<b>56</b>	<b>290</b>	<b>52.6</b>	<b>16</b>	<b>53.2</b>	<b>2</b>	<b>359</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>91</b> (13.5%)	<b>100.0</b>	<b>549</b> (81.3%)	<b>100.0</b>	<b>30</b> (4.4%)	<b>100.0</b>	<b>5</b> (0.7%)	<b>675</b>

Manakala kepada asnaf fakir yang berupaya untuk bekerja, masih muda dan tidak mengalami kecacatan, maka dicadangkan agar mereka diberikan modal atau latihan untuk memastikan mereka mendapat bantuan zakat dalam bentuk yang produktif dan tidak dalam bentuk wang semata-mata.

Berdasarkan Jadual 6, 47.4 peratus responden bersetuju agar kaedah pengagihan zakat kepada fakir yang upaya adalah dalam bentuk modal dan pihak institusi zakat perlu memantau sebarang aktiviti yang melibatkan modal yang diberikan. Namun begitu, sebanyak 44.3 peratus responden mencadangkan mereka perlu diberi latihan sahaja berdasarkan peruntukan zakat yang mereka peroleh. Hanya 8.3 peratus responden bersetuju perlu diberikan modal dan latihan beserta pemantauan sekaligus.

Jadual 6: Cadangan Kaedah Pengagihan Untuk Fakir yang Upaya

Negeri	Kaedah Agihan Untuk Fakir yang Upaya						Jumlah	
	Memberi Modal Dengan Pemantauan		Memberi Latihan Dengan Pemantauan		Kedua-Duanya Sekali			
	Bil	%	Bil	%	Bil	%		
Institusi zakat yang diswastakan								
Selangor & Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	76	24.1	84	28.6	21	38.2	181	
Pulau Pinang	27	8.6	17	5.8	5	9.1	49	
Melaka	15	4.8	14	4.8	3	5.5	32	
Negeri Sembilan	7	2.2	8	2.7	1	1.8	16	
Pahang	15	4.8	13	4.4	2	3.6	30	
<b>Jumlah</b>	<b>140</b>	<b>44.5</b>	<b>136</b>	<b>46.3</b>	<b>32</b>	<b>58.2</b>	<b>308</b>	
Institusi zakat yang tidak diswastakan								
Kedah	22	7.0	15	5.1	3	5.5	40	
Perlis	18	5.7	24	8.2	2	3.6	44	
Perak	35	11.1	45	15.3	4	7.3	84	
Johor	16	5.1	11	3.7	5	9.1	32	
Terengganu	31	9.8	29	9.9	3	5.5	63	
Kelantan	53	16.8	34	11.6	6	10.9	93	
<b>Jumlah</b>	<b>175</b>	<b>55.5</b>	<b>158</b>	<b>53.8</b>	<b>23</b>	<b>41.9</b>	<b>356</b>	
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>315</b> (47.4%)	<b>100.0</b>	<b>294</b> (44.3%)	<b>100.0</b>	<b>55</b> (8.3%)	<b>100.0</b>	<b>664</b>	

Kajian ini juga melihat cadangan kepada institusi zakat oleh pembayar zakat dalam aspek pengurusan wang zakat setiap tahun. Antara isu yang diketengahkan ialah adakah zakat perlu diagihkan hanya pada tahun berkenaan sahaja dan tidak boleh dibawa ke tahun hadapan?

Berdasarkan Jadual 7 didapati majoriti pembayar zakat berpendapat pihak institusi zakat perlu mengagihkan zakat pada tahun berkenaan. Ia bermaksud segala kutipan yang dibuat pada tahun tersebut perlu dibelanjakan pada tahun tersebut dan tidak perlu membawa lebihan ke tahun hadapan. Walau bagaimanapun 20.1 peratus berpendapat kesemua kutipan tidak perlu dihabiskan kesemuanya pada tahun berkenaan dan perlu di bawa ke tahun hadapan.

Jadual 7: Persepsi Pembayar Terhadap Agihan Zakat Pada Tahun Berkenaan

Negeri	Agihan Zakat Pada Tahun Kutipan Dibuat						Jumlah	
	Ya		Tidak		Tidak Pasti			
	Bil	%	Bil	%	Bil	%		
Institusi zakat yang diswastakan								
Selangor & Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	100	26.5	29	20.7	59	33.3	188	
Pulau Pinang	27	7.1	8	5.7	15	8.5	50	
Melaka	20	5.3	6	4.3	7	4.0	33	
Negeri Sembilan	10	2.6	3	2.1	4	2.3	17	
Pahang	15	4.0	10	7.1	7	4.0	32	
<b>Jumlah</b>	<b>172</b>	<b>45.5</b>	<b>56</b>	<b>39.9</b>	<b>92</b>	<b>52.1</b>	<b>320</b>	
Institusi zakat yang tidak diswastakan								
Kedah	25	6.6	10	7.1	5	2.8	40	
Perlis	22	5.8	14	10.0	10	5.6	46	
Perak	43	11.4	17	12.1	26	14.7	86	
Johor	14	3.7	11	7.9	11	6.2	36	
Terengganu	37	9.8	17	12.1	12	6.8	66	
Kelantan	65	17.2	15	10.7	21	11.9	101	
<b>Jumlah</b>	<b>206</b>	<b>54.5</b>	<b>84</b>	<b>59.9</b>	<b>85</b>	<b>48</b>	<b>375</b>	
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>378</b> <b>(54.4%)</b>	<b>100.0</b>	<b>140</b> <b>(20.1%)</b>	<b>100.0</b>	<b>177</b> <b>(25.5%)</b>	<b>100.0</b>	<b>695</b>	

Perlukah lebihan kutipan zakat setelah dibelanjakan dan diagihkan oleh institusi berkenaan diberikan kepada institusi lain yang kekurangan kutipan zakat? Dalam erti kata lain perlukah institusi yang *surplus* setelah pengagihan zakat dibuat mengagihkan kepada institusi yang defisit kutipan zakat? Berdasarkan Jadual 8, majoriti pembayar iaitu sebanyak 81.5 peratus bersetuju lebihan tersebut perlu diagihkan ke institusi lain atau ke negeri lain yang memerlukannya. Kaedah ini dapat dilakukan sekiranya institusi zakat mempunyai satu institusi di peringkat nasional agar proses pemindahan lebihan zakat dapat dilakukan dengan lebih efisien dan kemungkinan dapat diwartaikan undang-undang zakat peringkat kebangsaan serta dapat dikuatkuasakannya. Ini akhirnya berkemungkinan akan meningkatkan lagi keberkesanan pengagihan zakat yang menjadi isu utama kajian ini.

Jadual 8: Persepsi Pembayar Terhadap Agihan Zakat ke Tempat Lain

Negeri	Lebihan Diagih Ke Tempat Lain						Jumlah	
	Ya		Tidak		Tidak Pasti			
	Bil	%	Bil	%	Bil	%		
Institusi zakat yang diswastakan								
Selangor & Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	158	27.8	12	22.6	20	26.3	190	
Pulau Pinang	37	6.5	1	1.9	12	15.8	50	
Melaka	24	4.2	4	7.5	5	6.6	33	
Negeri Sembilan	15	2.6	1	1.9	1	1.3	17	
Pahang	27	4.7	1	1.9	4	5.3	32	
<b>Jumlah</b>	<b>261</b>	<b>45.8</b>	<b>19</b>	<b>35.8</b>	<b>42</b>	<b>55.3</b>	<b>322</b>	
Institusi zakat yang tidak diswastakan								
Kedah	39	6.9	0	0.0	1	1.3	40	
Perlis	36	6.3	5	9.4	5	6.6	46	
Perak	68	12.0	9	17.0	9	11.8	86	
Johor	28	4.9	2	3.8	6	7.9	36	
Terengganu	51	9.0	8	15.1	7	9.2	66	
Kelantan	86	15.1	10	18.9	6	7.9	102	
<b>Jumlah</b>	<b>308</b>	<b>54.2</b>	<b>34</b>	<b>64.2</b>	<b>34</b>	<b>44.7</b>	<b>376</b>	
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>569</b>	<b>(81.5%)</b>	<b>100.0</b>	<b>53</b>	<b>(7.6%)</b>	<b>100.0</b>	<b>76</b>	
							<b>(10.9%)</b>	

Adakah penswastaan institusi zakat akan mendorong mereka yang tidak berpuas hati dengan pengagihan zakat untuk membayar zakat? Soalan ini ditimbulkan kerana berdasarkan Jadual 2, responden yang tidak berpuas hati dengan pengagihan zakat dan tidak mahu membayar zakat adalah sebanyak 47.6 peratus berbanding yang membayar zakat sebanyak 52.4 peratus. Adakah penswastaan institusi zakat akan memberi kesan pembayaran zakat? Apakah alasan yang berkemungkinan menunjukkan keputusan yang secara statistiknya signifikan mempengaruhi responden membayar zakat?

Jadual 9: Hasil Analisis Regresi Logistik

<b>Pembolehubah</b>	<b>B</b>	<b>S.E</b>	<b>Stat Wald</b>	<b>Sig</b>	<b>Exp (B)</b>
Konstant	0.352	0.357	0.973	0.324	1.421
Penswastaan Ins. Zakat	-0.25	0.153	1.791	0.181	0.814
Alasan 1	-0.510	0.461	1.225	0.268	0.600
Alasan 2	-0.378	0.368	1.057	0.304	0.685
Alasan 3	-0.186	0.387	0.231	0.631	0.831
Alasan 4	-0.456	0.371	1.506	0.220	0.634

Nota: Pembolehubah bersandar ialah membayar zakat (52.4% responden) atau tidak membayar zakat (47.6% responden). Jadual klasifikasi keseluruhan = 53.2%

Jadual 9 menunjukkan penswastaan institusi zakat tidak memberi kesan yang signifikan kepada pembayaran zakat di kalangan responden yang tidak berpuas hati pengagihan zakat. Ini membuktikan penswastaan tidak memberi kesan kepada kebarangkalian mereka membayar zakat. Mereka masih tidak berpuas hati terhadap pengagihan zakat walaupun setelah diswastakan institusi zakat. Namun begitu kesemua alasan tidak puas hati pengagihan zakat tidak memberi kesan kepada pembayaran zakat secara signifikan. Ini menunjukkan mereka yang tidak membayar zakat bukan kerana alasan-alasan tersebut tetapi kemungkinan kerana faktor lain. Ini memerlukan satu kajian lain di masa akan datang.

## IMPLIKASI DASAR

Hasil kajian menunjukkan ramai pembayar zakat tidak berpuas hati dengan pengagihan zakat oleh institusi zakat. Perkara yang jelas menimbulkan sikap tidak puas hati tersebut adalah berkaitan dengan kaedah pengagihan zakat. Perasaan tidak puas hati ini berlaku walaupun di kalangan mereka yang membayar zakat. Ini akan memberi kesan yang tidak baik kerana kemungkinan mereka membayar zakat tetapi bukan kepada institusi zakat formal tetapi secara terus kepada asnaf zakat. Bagi mereka yang tidak membayar zakat ditambah lagi tidak puas hati terhadap pengagihan zakat oleh institusi zakat, ini akan menyebabkan mereka secara berterusan tidak akan membayar zakat. Terdapat beberapa cadangan yang boleh dilaksanakan untuk memastikan pengagihan zakat menjadi lebih efisien dan akhirnya akan memuaskan hati pembayar zakat.

Pertamanya kutipan dan pengagihan zakat perlu dilaksanakan oleh institusi zakat di pelbagai peringkat termasuklah peringkat kampung, bandar atau negeri mengikut kawasan penduduk Islam. Pada zaman Rasulullah s.a.w, pengurusan zakat adalah bermula dari masjid di bandar Madinah terutamanya di masjid-masjid yang besar (*jami'ā*) yang menjadi tempat berkumpulnya umat Islam. Oleh itu berdasarkan amalan oleh Rasulullah s.a.w, dicadangkan institusi zakat perlu ditubuhkan bermula di masjid<sup>25</sup>. Masjid tersebut pula dicadangkan sebuah masjid yang mewakili negeri atau kawasan penduduk Islam. Oleh itu jika ditubuhkan pusat-pusat kutipan zakat sama ada di peringkat kampung, daerah atau negeri, ia perlu dihubungkan dengan masjid *jami'ā* yang utama tersebut. Kaedah ini dikenali sebagai lokalisasi zakat<sup>26</sup>. Ini berdasarkan ayat Al-Quran Surah 9 ayat 60 yang menjelaskan secara implisit dana zakat perlu disimpan di setiap cawangan institusi zakat yang telah dikutip zakat. Ini akan memberi kepuasan kepada masyarakat Islam di setiap kawasan tertentu terutamanya pembayar zakat tersebut<sup>27</sup>. Sekiranya berlaku lebihan zakat daripada sesebuah kawasan, ia dibenarkan diagihkan ke kawasan lain yang mengalami kekurangan zakat. Ini adalah berdasarkan pendapat kumpulan pemikiran mazhab Hanafi yang membenarkannya atas alasan untuk mengurangkan kesusahan orang Islam

<sup>25</sup> Zayas, F.G (2003), *op. cit.*, hh. 310-311.

<sup>26</sup> Lihat kajian oleh Syukri Salleh (2006), “Lokalisasi Pengagihan Zakat: Satu Cadangan Teoritis”, dalam Hailani dan Abdul Ghafar (penyt). *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian & Perundangan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>27</sup> Zayas, F.G (2003), *op. cit.*, h. 337.

yang amat memerlukannya dan selaras dengan nilai Islam yang menekankan aspek kesatuan dan perpaduan. Ia boleh dilaksanakan dengan syarat pembayar zakat dan asnaf zakat di kawasan lebihan tersebut bersetuju dan berpuas hati dengan pengagihan zakat. Pengagihan lebihan zakat perlu dilakukan bermula dengan kawasan yang paling dekat.<sup>28</sup> Namun pelaksanaan ini memerlukan satu koordinasi dan pengumpulan maklumat dan rekod yang lengkap antara institusi zakat sama ada di peringkat kampung, daerah, negeri dan negara. Ini akan memudahkan pengagihan zakat di kawasan yang lain sekiranya berlaku lebihan zakat.

Keduanya pembayar tidak berpuas hati disebabkan masalah maklumat pengagihan zakat yang tidak jelas. Perakaunan zakat pada tahun tertentu perlu diterbitkan secara rasmi oleh institusi zakat untuk maklumat kepada pembayar zakat khasnya dan masyarakat Islam amnya. Ia boleh dilakukan secara bulanan atau secara tahunan. Malah dicadangkan perakaunan zakat tersebut perlu diaudit secara berterusan untuk memastikan tidak berlaku penyelewengan dalam pengurusan zakat. Jika ini dapat dilaksanakan, maka diharapkan segala ketidakpastian dapat diatasi dan masyarakat Islam akan terus membayar zakat.<sup>29</sup>

Pengurusan zakat pada masa kini juga bukanlah sekadar mentadbir zakat (seperti di sektor awam) tetapi ia perlu memahami konsep pengurusan itu sendiri iaitu merancang, mengorganisasi, menyelaras dan membuat keputusan.<sup>30</sup> Oleh itu pengurusan zakat perlulah dilakukan secara profesional agar ia dapat meningkatkan institusi zakat itu sendiri, dapat meningkatkan keyakinan pembayar zakat dan dalam masa yang sama menyampaikan mesej dakwah kepada mereka yang masih belum lagi menunaikan zakat harta.

## **KESIMPULAN**

Institusi zakat amat penting dalam sistem zakat. Ia merupakan perantara di antara pembayar dan penerima (asnaf). Tanggungjawabnya adalah amat besar iaitu memastikan kutipan zakat dapat dilakukan dengan efisien dan mengagihkan zakat kepada asnaf dengan efisien dan berkesan. Sekiranya institusi ini gagal berfungsi dengan baik, maka sistem zakat tidak akan berjaya dilaksanakan. Institusi zakat perlu menunjukkan nilai-nilai Islam yang tinggi seperti amanah dan adil dalam pengurusan zakat dan dalam masa yang sama

<sup>28</sup> *Ibid.* hh. 338-340.

<sup>29</sup> *Ibid.* hh. 343-344

<sup>30</sup> Abdul-Wahab, Mohamed et al. (1995), *op. cit.*

perlu bersifat profesionalisme. Cabaran institusi zakat menguruskan zakat pada masa kini bukanlah seperti zaman dahulu di mana seorang amil adalah seseorang diyakini masyarakat setempat seperti para ustaz, guru agama dan imam yang mempunyai latar belakang pendidikan agama. Pengurusan zakat pada masa kini juga memerlukan pengurus yang mempunyai ilmu-ilmu lain seperti pengurusan, keusahawanan, teknologi dan sebagainya. Ini akhirnya akan meningkatkan tahap profesionalisme pengurusan zakat, meningkatkan keyakinan pembayar zakat dan akhirnya akan meningkatkan lagi dana zakat dalam sistem kewangan Islam yang akhirnya dapat meningkatkan lagi pengagihan kepada asnaf. Ini diharapkan akan membasmikan kemiskinan masyarakat Islam amnya dan menguatkan lagi jaminan sosial dalam masyarakat Islam.

## RUJUKAN

- Abdullah Ibrahim (1999), “Agihan Zakat Menurut Prinsip Siasah Shariyyah” (Kertas Kerja dibentangkan dalam Kolokium Keberkesanan Zakat Negeri Selangor di Shah Alam pada 17 Mei 1999).
- Abdul-Wahab, Mohamed et al. (1995) “Malaysia (A Case Study of Zakah Management)”, in el-Ashker and Sirajul Haq (eds.), *Institutional Framework of Zakah: Dimensions and Implications*, Jeddah : IRTI/IDB.
- Hassan M.K dan Khan J.M. (2007). “Zakat, External Debt and Poverty Reduction Strategy in Bangladesh”, *Journal of Economic Cooperation*. 28 (4) 1-38.
- Imtiazi, I.A. (2000), “Introduction” dalam I.A. Imtiazi et al. (eds.), *Management of Zakah in Modern Muslim Society*, Jeddah: IRTI/IDB.
- Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (2006), *Laporan Zakat*. Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid (2003), *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mannan M.A. (2003), “Public Sector Management of Zakat”, dalam Hannan S.A (eds.). *Zakat and Poverty Alleviation*. Dhaka: Islamic Economics Research Bureau.
- Md Zyadi Tahir & Mariani Majid (1999), “Prestasi Kutipan dan Agihan Zakat di Malaysia”, *Pascasidang Seminar Pengeluaran Awam dan Swasta: Justifikasi dan Realiti di Malaysia*. Bangi : Fakulti Ekonomi, Universiti

Kebangsaan Malaysia.

- Mohamed Dahan Abdul Latif (1998), “Zakat Management and Administration in Malaysia” (Kertas kerja dibentangkan di Seminar of Zakat and Taxation di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia).
- Nik Mustapha Nik Hassan (2001), “Semangat Pengagihan Zakat ke Arah Pembangunan Ekonomi”, dalam Nik Mustapha Nik Hassan (*penyt*). *Kaedah Pengagihan Dana Zakat Satu Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Nor Ghani Md Nor, Mariani Majid, Jaafar Ahmad dan Nahid Ismail (2001), “Can Privatization Improve Performance? Evidence From Zakat Collection Institutions” (Kertas kerja Bengkel Ekonomi Islam. Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Qaradawi, Yusuf al- (2000), *Fiqh al-Zakāh*, Vol II, english translation by Monzer Kahf, Jeddah : Scientific Publishing Centre, King Abdulaziz University.
- Sadeq, AHM. (1995), “Ethioco-eco-Institution of Zakah: An Instrument of Self-Reliance and Sustainable Grass-Root Development” (Mimeo graph).
- Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid dan Adnan Mohamad (2006), “Penswastaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia”, *International Journal of Management Studies*, 13 (2), 175-196.
- Syukri Salleh (2006), “Lokalisasi Pengagihan Zakat: Satu Cadangan Teoritis”, dalam Hailani dan Abdul Ghafar (*penyt*). *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian & Perundangan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wess, H. (2002), “Reorganizing Social Welfare among Muslims: Islamic Voluntarism and Other Forms of Communal Support in Northern Ghana”, *Journal of Religion in Africa*. 32(1).
- Zayas, F.G. (2003), *The Law and Institution of Zakat*. A. Z. Abbasi (terj.) Kuala Lumpur: The Other Press.

